


Rundingan damai Hamas-Israel di Mesir



Anwar pada sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

(Foto BERNAMA)

Sokongan bersyarat punca Malaysia tidak diundang

Pelan Trump dituntut iktiraf kedudukan Palestin sebagai negara berdaulat

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia tidak diundang menghadiri rundingan damai Hamas-Israel yang berlangsung di Sham El-Sheikh, Mesir, kerana pendirian sokongan bersyarat negara ini terhadap pelan berkenaan, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri menegaskan, Malaysia memberi sokongan bersyarat kerana menuntut pelan itu mengiktiraf kedudukan Palestin sebagai negara berdaulat, menyelesaikan semua isu termasuk di Tebing Barat serta mengembalikan hak rakyat Palestin yang terusir dari Gaza.

"Malaysia tidak termasuk (sebagai jemputan) kerana kita menyokong (pelan damai) dengan bersyarat. Syaratnya ialah penyelesaian komprehensif melibatkan pemulangan rakyat Palestin yang terusir serta beberapa perkara berkaitan hak Palestin sebagai sebuah negara.

"Namun, pelan damai (inisiatif Amerika Syarikat) yang saya baca mengandungi 20 perkara itu tidak menyentuh soal hak rakyat Palestin, kedudukan negara mereka dan isu pendudukan penjajahan yang masih berlaku oleh rejim Zionis di Tebing Barat," katanya pada sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata, Malaysia memutuskan menyokong pelan damai yang dikemukakan Amerika Syarikat (AS) itu kerana sebarang usaha ke arah perdamaian amat penting bagi menghentikan pembunuhan dan kemusnahan di Gaza.

Meterai perjanjian segera

"Dalam mendukung inisiatif Presiden Donald Trump, pendirian ini selaras dengan beberapa negara Islam lain yang berpandangan bahawa usaha damai perlu dimeterai segera memandangkan pembunuhan rakyat, termasuk wanita dan kanak-kanak, masih berterusan. Keadaan ini wajib dihentikan segera.

"Keadaan di Gaza terlalu tenat, hampir kebuluran. Maka atas pertimbangan kemanusiaan, kita menyatakan bahawa apa juga inisiatif yang diambil, termasuk oleh Presiden Donald Trump, wajar disokong," katanya.

Beliau menjawab soalan Datuk Mohd Shahar Abdullah (BN-Paya Besar) yang ingin mengetahui

pendirian kerajaan terhadap pelan damai dikemukakan Presiden AS berhubung konflik Palestin-Israel serta sejauh mana ia selaras dengan prinsip dan usaha Malaysia dalam memperjuangkan hak rakyat Palestin dan kedaulatan negara itu.

Anwar berkata, pendirian Malaysia menggesa gencatan senjata serta menghentikan pemusnahan di Gaza mendapat penghargaan daripada Hamas menerusi surat khas kepada beliau bertarikh 7 Oktober lalu.

"Mereka memaklumkan menyokong inisiatif itu, tetapi mempertahankan kepentingan rundingan untuk mencapai perdamaian.

"Mereka masih menekankan seperti mana pendirian disuarakan saya dan Menteri Luar (Datuk Seri Mohamad Hasan), mesti penyelesaian menyeluruh.

"Itu tahap kedua yang mereka akan bincangkan. Hentikan apa-apa bentuk dan kemungkinan serangan dan tunduk kepada peraturan serta undang-undang dunia dan konvensyen dunia.

"Bagaimanapun untuk sekarang hentikan serangan dan bawa masuk bantuan kemanusiaan, makanan, minuman dan perubatan.

"Setakat semalam (kelmarin), baru 167 trak yang boleh masuk, walaupun dijanjikan 600 trak. Jadi, ini dipantau negara Arab dan negara Islam," katanya.